



KENYATAAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan kompaun ke atas Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, YB Dato Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali setelah didapati melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 7) 2020, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998 [Akta 342].

YB Dato Dr Khairuddin telah pulang dari Turki pada 7 Julai 2020. Sampel *nasopharyngeal swab* kali pertama telah diambil pada hari yang sama dan didapati negatif. Ujian saringan COVID-19 kali kedua dan ketiga juga menunjukkan keputusan negatif.

Oleh kerana YB Dato Dr Khairuddin gagal mematuhi peraturan di bawah Akta 342, Pegawai Diberi Kuasa (PDK) telah mengeluarkan kompaun sebanyak RM1,000.00 kepada YB Dato Dr Khairuddin pada 7 Ogos 2020 dan beliau telah menjelaskan kompaun tersebut.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

22 OGOS 2020